

Agihan kekayaan lebih adil

BH-5/12/2006

Pertumbuhan 6 peratus setahun perlu dianggap sasaran untuk dicapai: TPM

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Kerajaan mahu sasaran pertumbuhan ekonomi enam peratus setahun yang sudah ditetapkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), dijadikan sebagai angka minimum yang perlu dicapai.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pertumbuhan ekonomi lebih daripada enam peratus sepanjang tempoh RMK-9 itu perlu bagi memastikan agihan kekayaan dapat dibuat lebih adil dan saksama.

“Kita patut anggap pertumbuhan enam peratus setahun itu sebagai sasaran minimum dalam tempoh

RMK-9,” katanya ketika berucap di perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di Dataran Perdana sini, semalam.

Najib berkata, jika negara dapat mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), melebihi enam peratus, adalah lebih mudah untuk kerajaan mengagih kekayaan negara dengan seimbang serta saksama.

Beliau berkata, Malaysia boleh mencapai kadar pertumbuhan ekonomi melebihi sasaran enam peratus jika semua pihak berusaha lebih gigih dan menjadi insan yang memamerkan prestasi tinggi.

Katanya, walaupun Malaysia dijangka mampu mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi enam peratus

tahun ini, semua pihak tidak boleh berasa selesa sebaliknya perlu terus menggandakan usaha.

“Dalam pembentangan Misi Nasional dan RMK-9, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selalu mengingatkan kita betapa pentingnya kerjasama antara pentadbiran dan perkhidmatan awam.

“Sebenarnya, sistem penyampaian awam ini jangan kita pandang pada pegawai kerajaan saja tapi ia adalah satu gabungan usaha, satu kerjasama antara anggota pentadbiran dan pegawai kerajaan,” katanya.

Najib berkata, negara tidak akan dapat mengecap nikmat hari ini tanpa kesepakatan dan berkat usaha anggota pentadbiran dulu dengan pe-

gawai kerajaan.

Najib berkata, amat penting untuk kakitangan awam memiliki kebolehan menyesuaikan diri dengan perubahan semasa serta melaksanakan konsep merekayasa seperti dilakukan kerajaan terhadap dasar serta pendekatannya.

Najib berkata, Malaysia perlu merekayasa dasar dan pendekatan bagi menjayakan RMK-9 dan Misi Nasional berikutan persaingan makin hebat dalam menarik pelaburan, teknologi baru, pasaran, modal insan dan pelancongan.

“Kalau kita tawarkan pakej, negara lain akan tawarkan pakej yang lebih menarik untuk menarik pelaburan... kalau kita tiada tarikan, mereka ti-

dak akan pilih Malaysia untuk bangunkan teknologi baru,” katanya.

Najib berkata, soal modal insan juga menjadi persaingan dalam era globalisasi di mana pekerja boleh memilih negara yang menawarkan insentif terbaik.

“Dalam era globalisasi, modal insan juga satu persaingan kerana kita boleh pilih mana satu negara yang kita hendak bekerja. Warga kita sendiri juga sanggup bekerja di negara lain kalau ada insentif yang lebih baik,” katanya.

Mengakhiri ucapan, Najib berkata, kakitangan awam perlu menyambut kedatangan Tahun Baru 2007 dengan semangat baru untuk bekerja lebih gigih supaya negara lebih berjaya.